

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 18.5.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam mewujudkan sebuah kolej komuniti di Kinabatangan memandangkan terdapatnya keperluan dan permintaan. Tapak bagi tujuan pembinaan kolej komuniti ini adalah tersedia. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan bagi "1 Kolej Komuniti, 1 Parlimen".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 bersetuju bahawa kolej-kolej komuniti dibangunkan berdasarkan kepada keperluan di sesebuah kawasan dan bukannya di setiap daerah atau Parlimen memandangkan terdapat kawasan yang tidak mempunyai ramai penduduk (kepadatan rendah).

Pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Penampang dan Kolej Komuniti Kota Marudu. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Lahad Datu masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah di Parlimen Kinabatangan dan persekitarannya.

Pihak Kementerian akan terus berusaha memperluaskan akses pendidikan dan latihan bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi dan pemikiran masyarakat di Parlimen Kinabatangan melalui pendidikan yang relevan dan bermanfaat pada masa hadapan. Kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat serta akan berusaha untuk melihat keperluan berkenaan berdasarkan keupayaan kewangan kerajaan.